

# Tukar agama ubah nama?

U. M. M/S 10 - 14. 3. 07

Oleh NIK SALIDA  
SUHAILA NIK SALEH

**Pengaruh nama ini dibimbangi menyebabkan dirinya dikenali sebagai seorang yang bukan Islam walaupun hakikatnya dia beragama Islam**



SETIAP benda di atas muka bumi ini

**SETIAP** benda di atas muka bumi ini dikenali melalui nama masing-masing, dan Islam sebagai agama yang lengkap, pastinya memberikan perhatian kepada persoalan ini. Lebih-lebih lagi, nama menjadi identiti pengenalan umatnya. Lantaran itu, hal berkaitan pemilihan dan penggunaan nama yang baik kepada anak ditegaskan dalam sebuah hadis yang bermaksud: *“Di antara kewajipan seorang ayah kepada anaknya ada tiga. Iaitu menamakan mereka dengan nama yang baik, mengajarnya apabila berakal dan mengahwinkan si anak apabila mereka ingin berkahwin.”*

Bagaimanapun, sekiranya anak tersebut menukar agama, maka sudah tentulah nama asalnya tidak mengikut makna yang dikehendaki oleh agama baru kerana kelainan bahasanya. Sedangkan pemilihan nama yang baik adalah disunatkan dalam agama Islam. Apatah lagi, panggilan nama tersebut merupakan doa kepada seseorang.

Salah satu hak anak yang harus dipenuhi oleh orang tuanya ialah memberikan nama yang baik. Abu Hasan meriwayatkan bahawa suatu hari seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah s.a.w.: *“Ya Rasulullah apakah hak anakku terhadapku?”* Jawab Rasulullah: *“Anak berhak mendapat nama yang baik kerana nama yang diberikan oleh orang tuanya menentukan kehormatannya.”*

Justeru itu, tidak boleh menamakan anak atau menamakan diri sendiri dengan nama yang tidak mempunyai erti yang baik. Dari perspektif Islam, walaupun perbincangan mengenai nama adalah sesuatu yang sangat luas skopnya, akan tetapi sebagai pengenalan, nama sebenarnya menjadi lambang kepada seseorang.

Apabila sebut Muhammad atau Abdullah, itulah lambangnya dan nama ini mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan empunya nama. Atau dengan kata lain, dia akan terpengaruh dengan nama itu, dan kalau nama itu bermaksud baik maka baiklah hasilnya. Begitu juga sebaliknya. Sebab itulah apabila pelumba motor haram digelar ‘mat rempit’, ramai yang menganggap mereka tidak layak dipanggil ‘mat’ yang merupakan singkatan kepada nama Muhammad, malah lebih elok digantikan dengan ‘kodok’ menjadikannya ‘kodok rempit’, sesuai dengan pepatah ‘mati katak’ sekiranya terbenam mati di jalan raya kerana merempit.

Nama juga melibatkan nasab atau keturunan, yang bermaksud apabila kita mempunyai anak, anak tersebut akan membawanya sehingga akhir hayat. Hal ini boleh dilihat melalui anjuran Rasulullah s.a.w supaya kita memilih nama yang baik untuk anak-anak. Sabda baginda bermaksud: *Sesungguhnya*

*kamu akan diseru pada Hari Kiamat nanti dengan nama-nama kamu dan nama ayah kamu, oleh itu perelokkanlah nama kamu.* (Riwayat Abu Darda)

Ini juga secara tidak langsung menjelaskan kepada kita bahawa nama mempunyai kaitan rapat dengan keperibadian seseorang itu. Melalui nama juga ia menjamin keselamatan agama itu sendiri. Oleh kerana itu, nama yang mirip kepada agama lain, tidak sahaja mengundang kekeliruan malah lebih dibimbangi ialah anggapan segelintir pihak mengatakan bahawa ia mewakili agama tersebut.

## Makna

Lantaran nama yang baik seperti dikehendaki oleh Islam ialah yang mempunyai sandaran terhadap Allah dan Rasul-Nya, maka sewajarnya juga sekiranya ada mualaf yang ingin mengekalkan nama bapa sama ada dari apa bangsa sekalipun, maka pastikan maknanya tidak buruk dan melanggar akidah. Sabda Rasulullah mengingatkan: *Sesungguhnya sebaik-baik nama kamu adalah yang disandarkan dengan nama Allah, umpamanya Abdullah atau Muhammad.* (Riwayat Muslim)

Bagaimanapun, ia mestilah disusuli dengan nama yang berkaitan dengan 99 nama Allah s.w.t. Sekiranya terkeluar atau bertenangan dengan 99 nama Allah ini, ia menjadi haram kerana seolah-olah telah melanggar akidah. Contohnya, Abdul Nabi (hamba nabi), Abdul Muhammad, Abdul Rasul dan Abdul Kaabah. Apatah lagi sekiranya nama yang bukan dari bahasa Arab yang mengandungi makna yang melanggar akidah tentulah dilarang sama sekali walaupun hakikatnya ingin mengekalkan nasab.

Hukum haram ini berasaskan kepada dua dalil: Pertama, tiap-tiap nama yang berunsur penyembahan dan pengabdian selain Allah haram digunakan mengikut ijmak ulama.

Ibn Hazam berkata: *“Mereka bersepakat menghukumnya haram ke atas nama yang bermaksud penyembahan dan perhambaan selain Allah seperti Abdul Uzza, Abdul Habil, Abdul Umar, Abdul Kaabah dan sebagainya.”*

Kedua, nama khusus yang digunakan oleh orang-orang bukan Islam untuk mendera-dewakan tuhan mereka. Ia adalah dilarang. Contoh, Abdul diikuti dengan nama-nama tuhan Nasrani seperti James, Jimmy. Menurut Dr. Yusuf Al-Qardhawi, memberi nama dengan ciri-ciri Nasrani dan agama mereka ada disebut di dalam sebuah hadis bermaksud: *Sesiapa yang menyerupai sesuatu*

*kaum maka ia tergolong di dalam kaum itu.*

Pengaruh nama ini dibimbangi menyebabkan dirinya dikenali sebagai seorang yang bukan Islam walaupun hakikatnya dia beragama Islam. Sungguhpun Islam tidak mewajibkan ke atas keluarga Muslim menamakan anak-anak mereka dengan nama-nama tertentu sama ada Arab atau bukan Arab, tetapi panduan-panduan mengenai nama disediakan, iaitu:

● Walaupun nama tersebut tidak mempunyai makna tetapi hendaklah nama yang baik dan tidak dipandang buruk oleh orang ramai serta tidak ditolak oleh anak itu selepas dia dewasa.

Nabi pernah menukar nama-nama yang buruk seperti Qalilan (sedikit) kepada Kathiran (banyak), ‘Asiyah (gemar berbuat maksiat) kepada Jamilah (cantik) dan sebagainya.

● Nama tersebut bukan sesuatu yang disembah melainkan Allah seperti Abdul Kaabah, Abdul Nabi, Abdul Hussein, Ghulam (sama dengan maksud Abdul iaitu hamba) Ahmad, Ghulam Ali, Ghulam Jailani dan sebagainya. Perkataan yang bukan berasal daripada Arab tetapi maknanya hamba, hukunya sama dalam bahasa Arab. Sungguhpun diketahui niat pemberi nama itu baik tetapi apabila menjadi nama ia tidak baik.

● Nama itu juga tidak cenderung kepada kebesaran, takbur dan meninggikan diri daripada manusia lain. Hadis bermaksud: *“Seburuk-buruk nama di sisi Allah pada Hari Kiamat ialah lelaki yang dinamakan Malikul Amlak, Malikul Muluk (Raja segala raja) kerana tiada kerajaan melainkan kerajaan Allah.”* Termasuklah juga nama seperti Ar-Rahman, Al-Muhaimin, Al-Jabbar, Al-Mutakabbir, Al-Khaliq, Al-Bari. Nama-nama daripada 99 nama Allah tidak boleh dicantumkan dengan ‘Al’ kerana ia menjadi nisbah kepada Allah.

Sementara itu Rasulullah s.a.w. mengingatkan: *“Nama yang paling disukai Allah ialah Abdullah dan Abdur Rahman.* (Riwayat Muslim, Abu Daud, Tirmizi dan Ibnu Majah)

Selain itu, nama yang tidak dikhususkan kepada Allah tidak boleh disebut dalam bentuk ma’rifah (ada alif dan lam) seperti al-Aziz, al-Hakim dan sebagainya. Sekiranya dinamakan dalam bentuk nakirah (tiada alif dan lam), ia dibolehkan. Contohnya, Hakim.

Disunatkan menamakan dengan nama nabi untuk mengekalkan ingatan kepada mereka dan sebagai galakan mencontohi mereka. Contohnya, Daud, Ismail dan Musa. Tiada larangan meletakkan nama yang bukan berasal dari Arab selagi tidak membawa makna yang buruk. Orang Islam pada zaman jahil-



**SAUDARA baru diberi pilihan untuk menggunakan nama bapa kandung mereka.**  
 - Gambar hiasan

liah banyak mengekalkan nama-nama bukan Arab selepas keislaman mereka, walaupun mereka memeluk agama Islam.

Berlainan halnya dengan gelaran yang diberikan oleh Rasulullah seperti Abu Hurairah (bapa kucing) dan sebagainya. Ia sebenarnya satu pengiktirafan daripada baginda kepada para sahabat. Malah ia bukan bermaksud satu keaiban.

Di kalangan masyarakat bukan Islam, apabila mereka meninggalkan agama asal dan menjadi saudara baru, lazimnya nama mereka turut mengalami perubahan kepada 'nama Islam'. Tidak menjadi masalah sekiranya seorang saudara baru tidak mahu menukar nama tetapi yang menjadi masalah nama tersebut boleh menimbulkan perasaan was-was atau keraguan terhadap pegangan kepercayaannya. Di situlah pentingnya nama.

Seseorang saudara baru itu menukar nama kerana ia menentukan anggapan orang terhadap agamanya atau pegangan akidahnya. Penggunaan nama keluarga atau *surname* masih dibolehkan dengan syarat nama tersebut membawa makna yang baik kepada agama asalnya. Kalau sudah terang-terangan namanya atau nama bapanya sebelum Islamnya membawa maksud tidak elok seperti Rama, Sita yang merupakan nama tuhan bagi penganut agama Hindu, maka wajiblah

dia menukar namanya.

Menyentuh mengenai mengekalkan nama keluarga (*surname*) pada kebanyakan nama saudara baru, ia adalah sesuatu yang patut dikekalkan jika kena pada tempatnya. Ia bersesuaian lagi dengan arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada tahun 2003. Saudara-saudara baru tidak diwajibkan lagi menggunakan 'bin' atau 'binti' Abdullah.

Sebaliknya, mereka diberi pilihan untuk menggunakan nama bapa asal atau bapa kandung mereka. Kelonggaran yang diberikan oleh Jakim secara tidak langsung membantu saudara-saudara baru ini membina hubungan yang baik dengan keluarga kandung.

Bagaimanapun, pastikan nama tersebut baik pada maknanya kerana nama adalah identiti pengenalan umat Islam dan kurang manis sekiranya penganut agama Islam tidak dibenarkan menggunakan nama-nama baik yang disarankan kerana mereka berhak menamakan diri mereka seperti yang diinginkan.

**PENULIS** ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia.